

## SILAT KEBANGSAAN

31 JUL 1988

# Hanya seorang pesilat Sukan SEA ke akhir 2

Oleh MOHD RAHIME YUSOF & Minggu (M)

PEMENANG pingat gangsa Silat Sedunia, Zaleha Suradi dari Selangor, menjadi peserta tunggal skuad sukan SEA negara mara ke akhir di hari kedua Kejohanan Silat Kebangsaan di Port Dickson semalam.

Dalam pada itu, empat pesilat negara mara ke separuh akhir dan lima ke suku akhir selepas mereka menunjukkan persembahan cemerlang.

Bagaimanapun, kegagalan pemenang pingat emas Silat Sedunia, Ahmad Fauzi Othman dari Gayung Malaysia, dan Siti Azariah Hussain membawa kemuraman.

Pesilat Kelas F negara itu gagal memberi persembahan cemerlang, tewas kepada naib juara '86, Mohd Yazid Arifin dari Gayung Fatani, manakala Siti Azariah jadi mangsa kedua Laili Abdul Majid dari Johor.

Jun lalu, Laili menundukkan pesilat kebangsaan, Salbiah Salleh, di Kejohanan Silat Johor.

Pesilat skuad Sukan SEA yang mara ke separuh akhir ialah pesilat terbaik dunia, Wan Amiruddin Baki Abu Bakar (G), Sezali Said (I), Azam Abbas (H) dan Siti Anidah Mahadi (D).

Lima ke suku akhir ialah Zaki Ibrahim (D), Ahmad Khusairi Ibrahim (D), Normala Yakob (A), Wan Amizah Wan Ahmad (B) dan Masliza Abu Bakar (B).

Sementara itu, Mohd Yazid berkata: "Saya tidak menduga dapat mengalahkan Fauzi. Tetapi, saya gembira menang kerana sudah tiga tahun membayangi Fauzi."

Wan Amizah dari Kelantan akan bertemu Laili di separuh akhir.

Walaupun Wan Amiruddin Baki menundukkan Mohd Sobri Hashim dari Gayung Malaysia, persembahannya sangat lembap dan mengecewakan.

Pemenang pingat perak sedunia, Normala Yakob dari Gayung Malaysia, dengan mantap membenam Rohani Abdul Hamid (Kelantan). Bintang negara itu, tanpa melengahkan ruang, melepaskan tendangan dan tumbukan tepat kepada lawan.

Wakil tunggal Tentera, Azam Mokhtar, yang menganggotai Gayung Fatani diramal menjuarai Kelas Bebas setelah juara bertahan, Rashid Che Omar, bersara.

Beliau menundukkan Sharif Mohd Noor (Lincak) dengan keputusan TKO selepas melepaskan 13 tendangan kencang yang memaksa lawannya menyerah kalah di awal pusingan ketiga untuk mara ke separuh akhir.

Pemenang pingat emas Sukan SEA Jakarta, Ahmad Khusairi Ibrahim dari Selangor, menghadapi tentangan hebat Abdul Razak Othman, yang mewakili Pulau Pinang.